

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

**DAERAH HULU TERENGGANU
DI HULU TERENGGANU**

DI NEGERI TERENGGANU

DALAM PERKARA TUNTUTAN FSAKH

SAMAN NO: 11003-014-0372-2010

XXXX KP: 123456

lawan

YYYY KP:123456

FAKTA KES

Plaintif telah memfailkan tuntutan fasakh bertarikh 14hb November 2010 melalui Peguam Syarienya, Jabatan Bantuan Guaman dan memohon perintah seperti berikut:-

1. Bahawa suami tidak member nafkah melebihi 3 bulan
2. Bahawa kedua-dua pihak telah tidak bersekedudukan melebihi 1 tahun
3. Bahawa suami (defenden seorang penagih dadah)
4. lain-lain perintah yang difikirkan patut dan suaimanfaat oleh Mahkamah diberikan kepada Plaintif.

Plaintif XXXX (No K/P: 123456) dan Defendan YYYY (No K/P: 123456) telah berkahwin pada 26hb. Ogos 1999 bersamaan 14 Jamadil awal 1420 Hijriah di Kampung Wakaf Mempelam, Kuala Terengganu. Selepas bernikah Plaintif dan Defendan tinggal di rumah No. 44 Kg. Setia Jaya, Jalan Dato' Amar, 21800 Ajil, Hulu Terengganu. (rumah kelamin tersebut). Hasil perkahwinan di antara Plaintif dan Defendan, mereka telah dikurniakan dengan tiga (3) orang cahaya mata.

Plantif mendakwa bahawa defenden seorang penagih dadah yang tegar. Defenden menagih dadah semenjak 9 tahun yang lalu. Plantif sudah tidak tahan dengan perangai defenden. Defenden kadang-kadang menagih dadah bersama-sama dengan kawan-kawannya di rumah kelamin mereka. Defenden kerap kali di tangkap dan di ambil oleh Agensi Dadah Kebangsaan Cawangan Hulu Terengganu untuk di buat pemeriksaan. Sekarang, defenden telah diikat jamin dan dikehendaki melapurkan diri di AADK Cawangan Hulu Terengganu 1 kali sebulan. Pada 2.11.2010 defenden telah ditahan dalam operasi Penguatkuasaan dadah di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998). Defenden didapati positif Methamphetamine.

Plantif dan defenden telah tidak tinggal sebambung semenjak berlaku kes pukul keatasnya. Plantif telah dipukul oleh defenden akibat daripada perasaan cemburunya. Plantif telah membuat report polis pada 23.9.2010.

Plantif juga mendakwa bahawa Defendan telah gagal memberikan nafkah kepada dirinya dan anak-anak melebihi 3 bulan berturut-turut dan segala perbelanjaan rumahtangga ditanggung oleh Plaintiff yang bekerja sebagai peniaga kecil-kecilan. Selain itu, Plaintiff turut mendakwa Defendan seorang suami yang mengabaikan tanggungjawab dalam Islam seperti tidak bersembahyang dan tidak berpuasa.

Alasan Penghakiman

Terlebih dahulu, Mahkamah perlu memastikan sama ada Mahkamah ini berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini. Plaintiff semasa permohonan ini difailkan adalah seorang pemastautin di Negeri Terengganu iaitu beralamat di No. 44 Jalan Dato' Amar, 21800 Ajil, Hulu Terengganu. Oleh yang demikian, Mahkamah berpuas hati tuntutan Plaintiff adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah Negeri Terengganu.

Perlembagaan Persekutuan antara lain telah memperihalkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukan status Mahkamah Syariah; iaitu Mahkamah yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Fasa 2 kepada Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan:

“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana perkara lain. Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai

mana-mana perkara yang disebut dalam senarai negeri (iaitu senarai kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau senarai Bersama.”

Mengikut peruntukan Hukum Syara' dan bidangkuasa yang diberi oleh undang-undang bertulis, jelaslah bahawa pemerintah diberi kuasa mengkhususkan kuasa Hakim, termasuk hakim Syarie atau Mahkamah yang mana diketuai oleh seorang Hakim. Mengenai persoalan ini bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah telah di peruntukan di dalam sub seksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang memperuntukan;

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

(b) dalam bidangkuasa malnya mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan-

i. pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan uz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan suami isteri.

Seksyen 12 (2) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang memperuntukkan:-

Mahkamah Rendah Syaiah hendaklah

(b) dalam bidang kuasa mal mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian)

Mengikut peruntukan yang berjalan kuatkuasanya di dalam negeri ini pada masa sekarang, mahkamah berpuas hati bahawa Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terenggau adalah mahkamah yang berkompeten dan mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan fasakh daripada XXXX keatas suaminya, YYYY.

Mahkamah juga merujuk kepada **Seksyen 45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005** yang memperuntukkan:-

“ Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata, tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini membolehkan Mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian

atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan talaq kecuali –

(a) jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini; atau

(b) jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut Hukum Syarak; dan

(c) jika permastautin salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Negeri Terengganu.

Dalam kes ini Mahkamah mendapati bahawa ia telah dijalankan secara sebelah pihak tanpa kehadiran pihak Defendan. Mahkamah percaya tindakan meneruskan prosiding kes ini secara sebelah pihak adalah wajar di mana Mahkamah berpuashati bahawa penyampaian kepada Defendan telah sempurna berdasarkan affidavit Penyampaian yang telah diikrarkan pada 22 November 2010. Berdasarkan bukti penyampaian yang telah diterima oleh abang iparnya yang bernama Syed Kamarudin bin Tuan Temerang pada 16 hb. November 2010 dan ketidakhadiran Defendan ke Mahkamah untuk membela diri, maka Mahkamah telah mengambil tindakan wajar mendengar dan meneruskan prosiding kes ini secara sebelah pihak mengikut **Seksyen 121 (1) (b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Terengganu 2001** yang memperuntukkan:-

“ Jika, apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran–

(a) ...

(b) defendan tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya; atau

(c) ...

Tindakan Mahkamah mendengar kes ini secara sebelah pihak adalah patut bagi mengelakkan penganiayaan kepada Plaintiff sedangkan Defendan telah diberikan masa yang cukup untuk membela diri. Mahkamah menganggap ketidakhadiran Defendan serta keengganannya untuk membela diri merupakan qarinah bahawa Defendan mengakui segala pernyataan yang didakwa oleh Plaintiff.

Seterusnya, dalam mempertimbangkan kes ini, Mahkamah merujuk kepada beberapa isu penting iaitu:-

1. Apakah wujud pernikahan yang sah di sisi Syara' di antara Plaintiff dan Defendan;

2. Sama ada Plaintiff berjaya membuktikan dakwaannya

Isu Pertama: Apakah wujud pernikahan yang sah di sisi Syara' di antara Plaintiff dan Defendan

Berkenaan dengan isu pertama ini, Mahkamah berpuashati telah wujudnya pernikahan yang sah di antara Plaintiff dan Defendan berdasarkan Surat Nikah yang dikemukakan kepada Mahkamah ini dan ditanda sebagai Ekshibit P1. Begitu juga, tiada mana-mana pihak yang mengemukakan bantahan tentang perkahwinan Plaintiff dan Defendan sepanjang prosiding dijalankan.

Isu Kedua: Sama ada Plaintiff berjaya membuktikan dakwaannya

Plaintif dalam Penyata Tuntutannya telah menuntut fasakh berdasarkan **Seksyen 49 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1985** yang memperuntukkan bahawa:-

“ Seseorang perempuan yang berkahwin menurut Hukum Syara' adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinannya atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut –

(a) ...

(b) *bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh 3 bulan*

(c) ...

(d) *bahawa suami telah tidak menunaikan tanpa sebab yang munasabah kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh 1 tahun*

(e) *atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh menurut Hukum Syara'*

Berdasarkan Penyata Tuntutan Plaintiff (pindaan) di perenggan 6.1, Plaintiff mendakwa bahawa Defendan adalah seorang penagih dadah. Kali terakhir defenden ditangkap oleh Pegawai Agensi Dadah Kebangsaan pada 3.11.2010. dan 6.2. Defenden seorang yang panas baran dan kerap memukul plantif sejak kuat menagih. Kali terakhir defenden memukul plantif ialah pada 23.9.2010.

Berdasarkan alasan-alasan Plaintiff, Mahkamah berpendapat adalah jelas Plaintiff mempunyai alasan yang sah di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 1985. Seksyen 49 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam memberi maksud bahawa mana-mana alasan, jika dibuktikan, boleh memberi hak kepada isteri mendapatkan perintah fasakh. Oleh itu jika Plaintiff boleh membuktikan salah satu atau kesemua alasan yang diberikannya, Mahkamah hendaklah membenarkan tuntutan Plaintiff.

Berdasarkan Penyata Tuntutan dan keterangan Plaintiff, Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff telah mengemukakan tiga (3) alasan fasakh iaitu: -

- (a) Defenden seorang penagih dadah
- (b) Lazim menyakiti fizikal (pukul)
- (b) Tiada nafkah

Alasan Pertama: Defenden seorang penagih dadah

Dalam isu ini mahkamah merujuk kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21 - 23 Nov 2006 telah membincangkan Hukum Penyalahgunaan Dadah Jenis Syabu Dan Jenis-Jenis Dadah Baru Yang Lain. Muzakarah telah memutuskan bahawa dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baru yang lain mempunyai kesan mudharat yang sama seperti ecstasy, katamine dan Gamma Hydroxybutyric Acid (GHB).

Oleh itu, penyalahgunaan dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baru yang lain adalah haram dan semua aktiviti yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah ini seperti menanam, memproses, memiliki, menjual, mengedar, membeli atau membenarkan premis digunakan untuk bersubahat dengan penggunaannya adalah juga diharamkan.

Hukum dan larangan pengambilan dadah adalah jelas haram berdasarkan kepada dalil yang dikiaskan kepada arak. Dalam Al-Quran banyak menyebut mengenai pengharaman ini bersandarkan kepada keterangan nas-nas (Al-Quran dan Al-Hadis) kerana ia termasuk dalam pengertian umum benda-benda yang memabukkan, menghilangkan akal dan kedua-duanya mempunyai alasan hukum yang sama iaitu memabukkan atau terdapat dan membawa kebinasaan terhadap individu-individu dan masyarakat. Ini dapat dibayangkan melalui Firman Allah S.W.T. dalam surah AlBaqarah ayat 195 :

ولا تلقوا بأيديكم الى التهلكة

“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.....” (Surah Al-Baqarah : 195)

Mahkamah juga merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Al Diar Al Masriah Al – Sabiq (bekas Mufti Mesir), Al Syeikh Hasanin Mahkluf dalam kitabnya, “Fatwa Al – Syari’iyah (muka surat 184) bahawa dadah adalah haram hukumnya dari segi penggunaan, pemberian dan membuat jualan perniagaan.

Dadah atau "drug" adalah bahan atau kimia yang amat merbahaya kepada individu yang meng-gunakannya kerana ia mengubah cara minda dan tubuh manusia berfungsi. Menurut Kamus Dewan Melayu - Inggeris, makna perkataan "Drug" bermaksud ubat-ubatan. Walaupun demikian, untuk memberi takrif penyalahgunaan kepada "drug", perkataan "use", "misuse" atau "abuse" perlu digunakan bersama-sama dengan perkataan "drug". Contohnya "drug abuse" atau "misuse of drug yang membawa maksud penyalahgunaan dadah. Dadah merupakan satu istilah khas yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi fizikal, mental dan emosi serta tingkahlaku pengguna apabila digunakan. Kerajaan Malaysia telah menyenaraikan dadah ini di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk mengharamkan penanaman, pengeluaran, pengedaran, import, eksport, pemilikan dan penyalahgunaan dadah seumpama ini. Jenis dadah seperti seperti kokain, ganja, heroin, syabu

Dalam kes ini terbukti melalui kesaksian daripada Pegawai Agensi Dadah Kebangsaan Daerah Hulu Terengganu telah mengesahkan bahawa defenden adalah seorang penagih Methamphetamine.

Methamphetamine "Methamphetamine hydrochloride" merupakan satu jenis dadah yang berada dalam kumpulan stimulan. Ianya berbentuk kaca pecah dan kadangkala berbentuk seperti tawas. Contoh "methamphetamine hydrochloride" yang biasanya terdapat di Malaysia ialah syabu dan yaba. Syabu lazimnya diproses secara haram dan tidak mempunyai kegunaan dari aspek perubatan

Nama saintifik bagi syabu ialah amphetamine sejenis dadah dari amphetamine type stimulant iaitu dadah jenis stimulant (perangsang). Pada amnya di negara ini amphetamine hanya diluluskan untuk sejenis penyakit kanak-kanak yang terlalu aktif dan kurang daya tumpuan dikenali sebagai ADHD (Attention Deficit Hyperactive Disorder).

Syabu boleh menyebabkan ketagihan dan memudharatkan kerana ia adalah sejenis bahan kimia psikoaktif yang mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf (otak dan saraf tunjang) yang menyebabkan keadaan mabuk, khayal, ketagih, gangguan tingkahlaku dan sebagainya. Kesan pengambilan syabu menyebabkan sakit emosi dan menyebabkan otak menjadi lembab, kemurungan dan boleh membawa kepada sakit jiwa yang teruk jika diambil berpanjangan.

Adalah jelas daripada pandangan pakar-pakar perubatan dan fatwa-fatwa semasa, dadah adalah member kesan negative terhadap pengguna dan membawa kemudaratan kepada pihak lain khususnya isteri. Peruntukan Fasakh disyariatkan untuk membendung mudharat yang menimpa atas diri sendiri'.

Dr. Mustafa al-Sibaie menyebut dalam kitabnya; al-mar'ah baina al-fiqh wa al-qanun, 1962 sesuatu fasakh boleh berlaku dengan sebab kemudaratan dalam rumah tangga . Kemudaratan yang dimaksudkan disini ialah kemudaratan kepada lima perkara iaitu agama, diri, keturunan, harta dan akal (maruah).Pembubaran dengan sebab wujud unsur-unsur pertelingkahan sebagai al-tafriq li al-syiqaq. Ini bermakna sekiranya berlaku penderaan dan penganayaan kepada isteri, maka keadaan ini boleh dijadikan alasan bagi isteri membubarkan perkahwinan melalui fasakh.

Mahkamah berpuas hati dengan bukti-bukti yang dikemukakan melalui keterangan saksi daripada Agensi Dadah Kebangsaan Cawangan Hulu Terangganu yang telah membuat kesaksian keatas defenden yang merupakan seorang penagih tegar. Mahkamah berpandangan alasan seorang penagih dadah adalah termasuk membawa kepada kemudaratan dan boleh difasakhkan.

.

Seksyen 49 (1) memperuntukan:

h). Bahawa suami menganayainya, iaitu antara lain

i. Lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya...

l). Apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau fasakh dibawah Hukum Syara'.

Terdapat banyak lagi keadaan-keadaan yang membolehkan suami isteri menuntut fasakh seperti yang dijelaskan di dalam Kitab "Fiqh al-Islam Wa Adillatuh" oleh Dr. Wahbah Zuhaily, Jld. 8, Cetakan Ketiga, 1989, hal. 519 berdasarkan prinsip "dharar".

Apa yang dimaksudkan sebagai "dharar" ialah sesuatu perkara yang menyebabkan perkahwinan itu gagal mencapai tujuan asalnya. Oleh itu hak untuk fasakh bagi membubarkan sesuatu perkahwinan adalah diberi kepada kedua-dua suami atau isteri.

Mahkamah berpendapat bahawa kedua pasangan ini tidak boleh hidup bersama sebagai suami isteri dengan aman dan damai lagi. Ini diakui sendiri oleh pihak plantif.

Alasan yang dikemukakan oleh pihak plantif ini menepati hukum syara' seperti yang dinyatakan dalam kitab al-Ahkam al-ahwal al-Syahsiah li al-muslim oleh Syed Omar Abdullah m/s: 202 yang bermaksud:

"Apabila isteri mendakwa bahawa suaminya memudaratkan dengan apa jua kemudatan yang tidak memungkinkan untuk mereka berdua bergaul. Apabila sabit kemudatan tersebut sebagaimana yang didakwa oleh isteri samaada sabit melalui pengakuan suami atau keterangan saksi-saksi oleh pihak isteri dan jenis kemudatan itu yang tidak membolehkan mereka bergaul serta qadi sudah gagal untuk mendamaikan mereka berdua, dengan itu qadi boleh menjatuhkan talaq kepada isteri itu."

Tujuan asal hidup berumahtangga dalam Islam ialah sebagai memenuhi kehendak naluri kemanusiaan, mendirikan sunnah Rasulullah sebagai ibadah kepada Allah, untuk mendapatkan kebahagiaan, ketenangan dengan kedua-duanya bertimbangrasi. Firman Allah dalam surah al-Rum ayat 21:

ومن آياته أن خلق لكم من أنفسكم أزواجا لتسكنوا إليها وجعل بينكم مودة ورحمة

Bermaksud:

Dan diantara tanda-tanda kekuasaannya, dia mencipta untukmu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri agar kamu cenderung dan merasakan tenteram kepadanya dan dijadikannya diantara kamu rasa kasih sayang dan bertimbang rasa.

Tujuan mendirikan rumahtangga dalam Islam ialah sebagai memenuhi kehendak naluri tabie manusia yang memerlukan perasaan kasih sayang, cinta mencintai, tolong

menolong dan tidak ketinggalan ianya juga bertujuan untuk memenuhi kehendak nafsu manusia agar dapat disalurkan dengan cara yang halal dan menurut hukum syara'.

Seseorang suami sebenarnya menanggung beban yang berat dan banyak. Ia menjadi tanggungjawabnya yang tidak harus diabaikan terhadap isterinya. Disamping rumahtangga yang menjadi tempat tinggal si isteri, makan/minum, pakaiannya serta keperluan-keperluan lain yang wajar bagi kehidupan mereka berdua, si suami juga diwajibkan bergaul secara baik dengan isterinya. Seseorang lelaki adalah pemimpin menurut pandangan Islam. Tiap pemimpin mestilah melayani orang yang dibawah jagaannya dengan baik tanpa kekasaran, tanpa menganggap dirinya sebagai tuan kepada hamba sahayanya. Ini adalah cara yang terbaik agar dia dapat membahagiakan isterinya disamping dia sendiri akan turut merasa bahagia.

Menurut Al-Ghazali, melayan isteri dengan penuh kasih sayang serta akhlak yang baik itu meliputi sikap bersimpati dengan kesulitan yang dihadapinya, bersabar dengan kedegilan dan keberangannya, selalu bergurau dengannya serta menyesuaikan tahap pemikirannya dengan cara isteri berfikir. Saya berpendapat unsur-unsur kasih sayang serta tolak ansur diantara mereka sudah tidak wujud dalam rumah tangga mereka. Kehidupan secara berasingan melebihi 1 tahun dan tidak bertegur sapa diantara mereka adalah qarinah kepada kahancuran rumahtangga.

Firman Allah dalam surah An-Nisa' ayat 19:

وعاشروهن بالمعروف

Bermaksud:

“Dan bergaullah dengan mereka menerusi cara yang baik”

Disamping layanan baik, si suami diwajibkan juga agar tidak membuat sebarang sangkaan buruk terhadap kejujuran isterinya. Suami juga perlu membimbingnya kearah penghayatan hukum-hukum agama, membaiki akhlaknya serta memberi tunjuk ajar kearah kebaikan dan kebahagiaan tanpa membiarkan dalam keadaan tidak betul serta menyeleweng kearah keburukan.

Dalam melaksanakan kewajipan sebagai orang yang bertanggungjawab, seseorang suami haruslah mengambil berat terhadap apa yang terjadi kepada isteri dan anak-anak. Kewajipan pertama seorang suami terhadap isterinya ialah memuliakan dan mengaulinya dengan baik, menyediakan apa yang dapat disediakan untuk isterinya yang dapat mengikat hatinya, memperhatikan dan bersabar apabila ada yang tak

berkenan dihatinya. Dalam kes, defenden telah gagal menguruskan isteri dengan memberi layanan yang baik terhadap isteri dengan memujuk dan berlaku adil dengan sepenuhnya. Perbuatan sedemikian mahkamah menganggap suatu perbuatan tidak memberi keadilan sepenuhnya dengan layanan yang sama rata antara isteri-isteri adalah dikira melampau dan menyalahi batas-batas taadud zaujat serta dibolehkan difasakh mengikut hukum syara'.

Jesteru itu, jika dilihat kepada perkahwinan dalam kes ini dan perhubungan antara plantif dan defenden jelaslah ia menyimpang daripada matlamat perkahwinan sebenar yang dianjurkan oleh agama.


Untuk mencapai hidup bahagia, suami isteri hendaklah menunaikan tanggungjawab masing-masing yang telah ditentukan. Diantara tanggungjawab suami ialah:

1. Memberi nafkah zahir dan batin
2. Menyediakan tempat tinggal
3. Mengajar isteri kejalan yang baik.

Jika pasangan tersebut tidak melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang sebenar, akan berlakulah keretakan dalam rumahtangga mereka. Dapat disimpulkan dalam kes akibat dari ketagihan dadah, kedua pasangan ini tidak boleh hidup bersama lagi sebagai suami isteri dengan aman dan damai. Dadah adalah punca kepada penyakit masyarakat dan punca kepada keruntuhan rumahtangga.

Alasan kedua: Lazim Menyakititi (Defenden melakukan kekerasan keatas Plantif)

Merujuk kepada prinsip asas Hukum Syarak, suami diberi hak untuk memukul isterinya sekiranya terdapat tanda-tanda isteri dikhuatiri nusyuz. Walaubagaimanapun, Islam juga telah meletakkan syarat dan had tertentu terhadap kuasa untuk memukul yang ada pada seseorang suami. Perkara ini jelas berdasarkan Firman Allah s.w.t. di dalam **Surah an-Nisa' 4 : 34**





Maksudnya: Wanita-wanita yang kamu khawatiri nusyuz, maka nasihatlah mereka dan pisahkanlah dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka, kemudian jika mereka mentaatimu janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan bahawa pukulan hanyalah peringat ketiga setelah diberi nasihat dan dipisahkan tempat tidur. Begitu juga, pukulan yang dibuat hendaklah mengikut adab dan bukannya pukulan secara melulu. **Imam al-Qurtubi di dalam tafsirnya (juzu' 5 m/s 172)** menyatakan bahawa pukul dalam ayat ini adalah 'pukul adab dan maksud daripadanya ialah memperbaiki bukan yang lain, seperti memukul bapa akan anaknya kerana belajar al-Quran'.

Kesimpulannya, hak untuk memukul yang diberikan oleh Syarak hanya boleh digunakan jika:-

- (a) Isteri nusyuz
- (b) Tindakan menasihati dan memisahkan tempat tidur telah dilakukan
- (c) Memukul dengan pukulan untuk mendidik dan bukan untuk menyakitkan

Merujuk kepada kes ini, persoalan yang timbul adakah Plaintiff telah berlaku nusyuz ? Jika benar, adakah Defendan mempunyai hak untuk memukul dan apakah pukulan yang dilakukan oleh Defendan bertepatan dan selaras dengan kehendak Syarak ? Jika diteliti kepada fakta kes, jelas menunjukkan bahawa Defendan tiada bukti yang dikemukakan kepada Mahkamah yang Mulia ini bahawa Plaintiff telah melakukan nusyuz. Jika sekalipun Plaintiff nusyuz, Defendan tidak berhak untuk memukul kerana Defendan tidak dibuktikan pernah mengikut garis panduan Syarak iaitu menasihati dan memisahkan tempat tidur sebelum mengambil tindakan untuk memukul Plaintiff. Tambahan pula, pukulan yang dibuat terhadap Plaintiff adalah begitu keras dan ternyata bahawa ianya bukan untuk mendidik tetapi menzalimi. Berdasarkan fakta ini, jelas menunjukkan bahawa Defendan memukul kerana nafsu amarahnya atau kerana sikap panas baran dan cemburu butanya serta bukan atas dasar yang telah ditentukan oleh Hukum Syarak. Dalam erti kata lain, Defendan telah menyalahgunakan haknya di mana pukulan yang dilakukan adalah berbentuk menzalimi dan bukannya mendidik.

Mahkamah juga mendapati bahawa pada 19 hb Januari 2005, Plaintiff telah dipukul dengan teruk hanya kerana sikap cemburu Defendan. Kejadian pukulan yang teruk ini jelas membuktikan batapa perkahwinan ini bukan lagi satu rahmat tetapi menimbulkan mudharat kepada Plaintiff. Perkara ini berlawanan dengan Sunnah Rasulullah yang menyeru umatnya supaya berlaku baik dan berlembut dengan ahli keluarga sebagaimana sabda Baginda yang berbunyi:-

Maksudnya: Orang Mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlaqnya dan paling lembut terhadap keluarganya.

(Riwayat al-Tirmizi dan al-Hakim)

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:-

Maksudnya: Sebaik-baik kamu ialah orang yang paling baik terhadap isterinya. Dan akulah yang paling baik kepada isteriku.

(Riwayat al-Tirmizi)

Y.A.A. Dato' Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman dalam alasan penghakimannya dalam **Kes Rayuan Mal Bil 2 Tahun 1995, Abd Hanif Iwn Rabiah [JH (1997) JLD XI, BHG 1, m/s 53]** menyatakan bahawa:-

“ akan tetapi tidaklah munasabah memerlukan seseorang isteri yang mendakwa dia dipukul oleh suaminya mengadakan saksi-saksi seperti itu, kerana mustahil seorang suami apabila dia memukul isterinya akan memanggil dua saksi lelaki atau dua saksi perempuan dan seorang saksi lelaki untuk menyaksikan pukulan itu. Dalam perkara seperti ini, tidak perlu keterangan diberi sebagai Syahadah dan memadai ia diberi sebagai Bayyinah dan Qarinah ”

Mahkamah juga merujuk kepada **Kes Hairun Iwn Omar [JH (1414 H) JLD VIII BHG II, m/s 293]** di mana Yang Amat Arif Hakim telah mengupas maksud 'lazim menyakiti' secara terperinci. Perkataan lazim menyakiti (habitually assaults) di dalam **Seksyen 53 (1) (h) (i) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005** tidak bermakna memukul secara fizikal. Di dalam bahasa perundangan ada perbezaan makna di antara assault dan battery. Perkataan 'battery' bermakna memukul dengan cara fizikal manakala perkataan 'assault' tidak begitu. Oleh itu perkataan 'lazim menyakiti' hanya relevan di dalam kes penganiayaan yang berbentuk mental seperti menyakiti hati dan perasaan yang hanya timbul apabila berlaku acapkali dalam jangka masa yang panjang dan oleh itu berkehendakkan 'lazim' atau 'habitually' dibuktikan oleh isteri. Namun, apabila

penganiayaan itu bercorak fizikal, maka memukul walaupun tidak lazim mungkin mencukupi untuk membuktikan suatu penganiayaan terhadap seseorang isteri.

Begitu juga, perkara penting yang perlu diperhatikan di dalam kes ini iaitu segala keterangan Plaintif yang disokong oleh empat (4) orang saksi termasuk seorang saksi pakar adalah tidak bercanggah sama sekali dari segi materialnya. Malah tidak timbul apa-apa syak yang menunjukkan bahawa mereka bersepakat atau cuba memberi keterangan palsu. Mahkamah berpuashati dengan keterangan saksi-saksi terutamanya SP1 dan SP2 yang melihat sendiri kejadian pukul dilakukan oleh Defendan ke atas Plaintif. Tambahan pula, SP1 dan SP2 merupakan anak kandung kepada Defendan, malah SP2 masih tinggal serumah dengan Defendan sehingga kini.

Mahkamah merujuk kepada **Seksyen 85 (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005** yang memperuntukkan bahawa:-

“ keterangan seseorang anak terhadap ibu bapanya dan keterangan ibu bapa terhadap anaknya boleh diterima sebagai syahadah dan bayyinah ”

Keterangan ini kemudiannya disokong dengan bukti dokumentasi yang telah dikemukakan kepada Mahkamah dan ditanda sebagai 'Ekshibit P2' dan 'Ekshibit P3'. Segala keterangan-keterangan dan bukti-bukti tersebut tidak dicabar oleh mana-mana pihak sepanjang tempoh prosiding. Ini secara jelasnya membuktikan bahawa dakwaan Plaintif adalah benar. Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa beban pembuktian yang dipikul oleh Plaintif telah berjaya dipenuhi di mana Plaintif telah berjaya membuktikan melebihi tahap berat sangka yang menjadi mekanisma dalam kes sebegini.

Alasan Ketiga: Tiada Nafkah

Dakwaan Plaintif seterusnya adalah Defendan gagal memberikan nafkah kepadanya melebihi 3 bulan. Pembubaran perkahwinan dibawah fasakh kerana kegagalan suami memberi nafkah kepada isteri telah di bahaskan melalui seksyen 49 (1) (b). Asas peruntukan ini adalah bersandarkan kepada satu Qaedah Feqah yang diterima umum di dalam pengharusan fasakh nikah, iaitu:-

الضرر يزال

Maksudnya: Kemudharatan hendaklah dihilangkan

Qaedah ini bersumberkan dari Hadith Nabi s.a.w. iaitu:-

لا ضرر ولا ضرار

Perkataan *ضرر* dalam Hadith tersebut bermaksud melakukan kerosakan terhadap orang lain. Sedangkan perkataan *ضرار* pula memberi maksud bertindak balas melakukan kemudharatan yang sama dengan kemudharatan terhadapnya. Dari Qaedah Fiqhiyyah itu terbit pula beberapa Qaedah yang ditetapkan oleh Fuqaha' iaitu seperti berikut:-

1. الضرر الاشد يزال بالضرر الأخف
2. ارتكاب أخف الضررين
3. اذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما
4. يختار أهون الشرين

Keempat-empat Qaedah ini membawa maksud yang sama iaitu apabila bertembung dua kemudharatan maka hendaklah diberi perhatian kepada mudharat yang lebih besar antara keduanya dengan memilih kemudharatan yang lebih ringan. Berdasarkan Qaedah-Qaedah ini maka setiap tindakan seseorang suami yang memudharatkan isteri adalah tidak dibenarkan oleh Syarak dan ia hendaklah dihilangkan dengan membubarkan perkahwinan itu walaupun ia memudharatkan pihak suami kerana kemudharatan yang terbit dari fasakh lebih ringan berbanding dengan jika isteri terus kekal dalam perkahwinan yang memudharatkan dirinya.

Maka Mahkamah berpendapat, Qaedah darurat hendaklah dipakai dalam memahami maksud peruntukan **Seksyen 49 (1) (b) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985**.

Seterusnya Mahkamah telah merujuk sama ada Plaintiff telah mengemukakan bukti yang mencukupi untuk membuktikan kes ini. Beban pembuktian menurut Undang-Undang sebagaimana yang ditetapkan oleh **Syeksen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2005** yang memperuntukkan sebagaimana berikut:-

“Beban unujuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda’ii) dan orang yang

mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudda'a 'alaih) ”

Peruntukkan ini bersumberkan kepada Hadith Nabi s.a.w.:-

البينة على المدعى واليمين على من أنكر

Maksudnya: Keterangan bertanggung ke atas pihak yang mendakwa, manakala sumpah penafian bertanggung ke atas orang yang di dakwa.

Menjelaskan prinsip ini bilamana pihak yang didakwa menafikan dakwaan pihak yang mendakwa, maka pihak yang mendakwa perlu mengemukakan keterangan (bukti) untuk membolehkan Hakim memberi penghakiman bagi pihaknya tetapi jika ia gagal membawa bukti, Mahkamah atas permintaan pihak yang mendakwa akan meminta pihak yang didakwa bersumpah (yamin) dan jika ia bersumpah maka dakwaan Plaintiff akan ditolak. Sebaliknya jika Defendan enggan bersumpah (nukul yamin), sumpah tersebut akan diberikan kembali kepada Plaintiff (yamin al-mardudah) dan jika Plaintiff bersumpah maka dakwaannya akan diterima dan dibenarkan.

Untuk menentukan beban pembuktian sesuatu fakta maka adalah perlu dirujuk kepada takrif al-mudda'ii dan al-mudda'a 'alaih yang disebut dalam Hadith berkenaan. Mahkamah tidak bergantung kepada pihak-pihak yang dinamakan di dalam kes ini sebagai Plaintiff dan Defendan untuk menentukan ke atas siapa terletaknya beban pembuktian sesuatu fakta. Ianya amat penting supaya Mahkamah tidak tersilap meletakkan beban pembuktian sesuatu fakta ke atas sesuatu pihak.

Dr. Abdul karim Zaidan dalam hal ini menulis dalam **kitabnya Nizam al-Qadha, m/s 90** menyatakan bahawa mengetahui dan membezakan antara al-mudda'ii dan al-mudda'a 'alaih adalah suatu pengetahuan yang wajib dikuasai oleh seseorang Hakim dan pihak-pihak yang bertikai supaya ia boleh menentukan siapa al-mudda'ii yang ditanggung atasnya dengan keterangan dan siapa al-mudda'a 'alaih yang ditanggung atasnya dengan bersumpah apabila dia menafikan dakwaan pihak al-mudda'ii sebagaimana yang dikehendaki dalam Hadith Nabi s.a.w. berkenaan. Betapa pentingnya pengetahuan berkenaan dengan perkara ini diungkapkan oleh beliau dengan kata-kata seperti berikut:-

" وما يعين على معرفة المدعى والمدعى عليه معرفة الفرق بينهما، لا سيما وأن هذا الفرق قد يدق ويخفى ولا يظهر لأول وهلة، إذ ليس كل طالب مدعى وليس كل مطلوب منه مدعى عليه. ولهذا أدخل الفقهاء في تعاريفهم لمها بعض الضوابط للتفريق بينهما "

Maksudnya: Cara yang boleh menentukan siapa al-mudda'ii dan siapa pula al-mudda'a 'alaih adalah dengan mengetahui perbezaan antara keduanya. Sekali imbas perbezaan antara keduanya tidak begitu jelas dan tidak ketara kerana bukanlah semua orang yang menuntut (Plaintif) adalah al-mudda'ii dan bukan semua orang yang kena tuntutan itu (Defendan) adalah al-mudda'a 'alaih. Kerana itu Para Fuqaha' telah memasukkan dalam takrif mereka beberapa cirri yang dapat membezakan antara keduanya.

Pengarang buku ini juga memperuntukkan beberapa takrif yang diberikan oleh Fuqaha' antaranya:-

1. المدعى من يدعي أمرا باطنا خفيا، والمدعى عليه من يدعي أمرا ظاهرا جليا.
2. المدعى من كان قوله على خلاف أصل أو عرف، والمدعى عليه من كان قوله على وفق أصل أو عرف.

Maksudnya: (1) al-mudda'ii ialah seseorang yang mendakwa sesuatu perkara yang tersembunyi, manakala al-mudda'a 'alaih pula adalah orang yang mendakwa sesuatu yang zahir lagi jelas.

(2) al-mudda'ii ialah orang yang kata-katanya menyalahi asal atau uruf manakala al-mudda'a 'alaih pula ialah orang yang kata-katanya menepati asal atau uruf.

Takrif ini adalah selari dengan takrif yang diberikan oleh Mazhab Shafie sebagaimana yang disebut di dalam **Kitab Mughni Muhtaj, jilid 6, halaman 404** yang menyebut:-

والأظهر أن المدعى من يخالف قوله الظاهر، والمدعى عليه من يوفقه

Maksudnya: Mengikut pendapat yang azhar, al-mudda'ii ialah orang yang kata-katanya menyalahi zahir sesuatu perkara, manakala al-mudda'a 'alaih ialah orang yang kata-katanya menepati zahir sesuatu perkara.

Asal atau zahir sesuatu perkara itu mengikut Qaedah Fiqhiyyah adalah seperti berikut:-

الأصل العدم أو الأصل في الأمور العارضة العدم

Maksudnya: Asal itu tidak ada atau asal pada perkara yang baru muncul atau yang mendatang itu tidak ada.

Dato' Hj. Mohd Saleh bin Hj Ahmad dalam bukunya **Qawa'id Fiqhiyyah di halaman 590-591** menghuraikan maksud kaedah seperti berikut:-

“ Umumnya diketahui bahawa al-'adam (tiada) itu adalah lebih dahulu daripada al-wujud (ada), maka setiap sesuatu yang didakwa muncul dan wujudnya beerti ia di dahului oleh al-'adam. Jesteru itu, maka al-'adam yang mendahului ke atas al-wujud yang didakwa itu telah sabit dengan yakin, sementara benda yang didakwa wujud sebelum dibuktikan adalah masyquk fihi (diragui) sedangkan keyakinan sesuatu perkara tidak boleh dihilangkan dengan zan lawannya sahaja. Oleh yang demikian maka al-'adam itulah yang diyakini kerana ia sesuatu keadaan yang tabi'e dan perubahan kepada wujud itu sesuatu perkara yang baru yang diragukan, lagipun al-'adam itulah yang asal, maka mesti dikekalkan hingga terbukti sabit sesuatu yang menghilangkannya ”

Seterusnya beliau di **halaman 592** telah memberikan contoh-contoh hukum yang termasuk di bawah Qaedah ini antaranya “ *suami isteri yang telah lama tinggal bersama, apabila isteri mendakwa tidak diberi pakaian dan nafkah, maka dakwaan isteri akan diambil kira kerana pada asalnya kedua-dua perkara itu kekal tanggungjawab suami dan tidak ditunaikan”* . Perkara ini selaras dengan apa yang disebut di dalam **Kitab lanat at-Talibin, juz 4, halaman 71:-**

" (وهي في عدم النشوز والإنفاق) أي وتصديق هي فيما لو اتفقا على تمكين وادعى هو نشوزها بعده وهي عدمه أو ادعى هو الإنفاق عليها وادعت هي عدمه، وذلك لأن الأصل عدم النشوز وعدم الإنفاق "

Maksudnya: Diterima dakwaan isteri di dalam situasi kedua-dua suami isteri tinggal bersama dan suami mendakwa isterinya itu nusyuz dan isteri pula mendakwa sebaliknya atau suami mendakwa ia memberi nafkah tetapi dinafikan oleh isteri kerana pada asalnya isteri tidak nusyuz dan pada asalnya nafkah tidak diberi.

Dalam kes ini Defendan tidak hadir untuk memberikan keterangan dan mengemukakan saksi. Oleh itu Mahkamah berpendapat Defendan telah gagal membuktikan beliau tidak pernah cuai untuk mengadakan nafkah bagi isterinya selama

tiga (3) bulan atau lebih, dan dakwaan Plaintiff ini harus dibenarkan dengan sumpahnya sebagaimana ditetapkan dalam **Syeksen 121 (1) (b) & (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002:-**

(1) *Jika, apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran –*

(a) ...

(b) *defendan tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya; atau*

(c) ...

(2) *Mahkamah hendaklah, sebelum membuat apa-apa penghakiman mengenai tuntutan plaintif di bawah perenggan (1) (b) atau tuntutan balas defendan di bawah perenggan (1) (c), memerintahkan plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya mengangkat sumpah istizhar*

Berdasarkan alasan bahawa Defendan telah gagal menghadiri perbicaraan kes ini untuk membuktikan perkara tersebut atau membuktikan Plaintiff telah nusyuz yang menghalang kewajipan nafkah ke atas Plaintiff, Mahkamah berpandangan bahawa beban pembuktian dalam isu ini telah dipenuhi.

Diputuskan bahawa Mahkamah ini memerintahkan seperti berikut:-

1. **Saya sabit** dakwaan Plaintiff, XXXX, Kp: 123456 keatas Defendan, YYYY, Kp: 123456 di bawah Seksyen 49 (1) (a), (b), dan h (ii) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985.
2. **Saya fasakhkan** perkahwinan diantara XXXX dengan YYYY, perkahwinan yang telah dilangsungkan pada 26 Ogos 1999 bersamaan 14 J'Awal 1420H.
3. **Saya hukum** perceraian diantara XXXX dengan YYYY dengan perceraian talaq bain Syugra'.

4. Melalui pengakuan Plaintif semasa sabitan fasakh dibuat pada hari ini dalam keadaan suci. Datang haid tiap-tiap bulan. Oleh itu saya perintah kepada XXXX bereddah selama tiga kali suci mulai tarikh disabitkan fasakh nikah pada 25.05.2011, jika ingin berkahwin dengan lelaki lain.
5. **Saya perintah** pihak-pihak menyerahkan Surat Perakuan Nikah yang asal bilangan 167/99 K. Berang/ No:52301, kepada mahkamah untuk proses pembatalan.
6. **Saya sabit** alamat penyampaian terakhir pihak-pihak seperti berikut:-

XXXX

YYYY
7. **Saya benarkan** pihak-pihak buat tuntutan lain selepas ini jika ada.

DIBERI DIBAWAH TANDATANGAN Saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu pada hari ini 25 Mei 2011 bersamaan 21 Jamadilakhir 1432.

METERAI

HAKIM